


**D.R. 1/2000**



**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2000 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu dan apa-apa jumlah wang lain yang telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada tahun itu.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan 2000.

**Pengeluaran dan peruntukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2000**

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi lapan belas bilion empat ratus dua puluh sembilan juta empat ratus empat puluh lapan ribu sembilan ratus ringgit (RM18,429,448,900) daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2000 adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Jumlah wang yang dibenarkan untuk dikeluarkan melalui Akta ini dan jumlah wang sebanyak lapan belas bilion empat ratus dua puluh sembilan juta empat ratus tiga ribu ringgit (RM18,429,403,000), iaitu amaun perbelanjaan yang dibenarkan oleh seksyen 2 Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1999 [Akta A1067], yang amaun agregatnya berjumlah tiga puluh enam bilion lapan ratus lima puluh lapan juta lapan ratus lima puluh satu ribu sembilan ratus ringgit (RM36,858,851,900) adalah dengan ini diuntukkan dan hendaklah disifatkan telah diuntukkan dari tarikh Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1999 mula berkuat kuasa bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

*Rang Undang-Undang*

## JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun</i> (RM)
B. 1	Parlimen	38,999,400
B. 2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	1,138,900
B. 3	Jabatan Audit	41,807,300
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	19,734,700
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	15,885,500
B. 6	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	6,814,100
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	1,195,731,100
B. 8	Jabatan Perkhidmatan Awam	474,495,600
B. 9	Jabatan Perangkaan	52,489,400
B. 10	Jabatan Peguam Negara	29,548,700
B. 11	Badan Pencegah Rasuah	41,754,600
B. 12	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah	1,331,400
B. 13	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak	975,500
B. 14	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	102,020,600
B. 15	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	16,559,000
B. 16	Jabatan Bomba dan Penyelamat	188,349,900
B. 17	Kementerian Belia dan Sukan	100,892,800
B. 18	Kementerian Perusahaan Utama	129,375,700
B. 19	Kementerian Pertanian	1,084,383,100
B. 20	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	165,350,500
B. 21	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	95,042,500
B. 22	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	202,699,400
B. 23	Jabatan Arkib Negara	14,851,400
B. 24	Jabatan Muzium dan Antikuiti	6,128,700
B. 25	Kementerian Pertahanan	3,919,977,400
B. 26	Kementerian Pendidikan	11,691,367,400
B. 27	Jabatan Perpustakaan Negara	25,886,900
B. 28	Perbendaharaan	431,232,300
B. 29	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	2,676,888,100
B. 30	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	2,561,792,400
B. 31	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	283,006,400

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun</i> (RM)
B. 32	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	40,310,700
B. 33	Kementerian Kerja Raya	1,195,537,300
B. 34	Kementerian Kesihatan	4,023,162,300
B. 35	Kementerian Dalam Negeri	143,965,400
B. 36	Polis Diraja Malaysia	1,868,784,600
B. 37	Jabatan Imigresen	235,907,400
B. 38	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan	7,280,000
B. 39	Jabatan Pendaftaran Negara	90,897,000
B. 40	Jabatan Penjara	176,717,300
B. 41	Jabatan Pertahanan Awam	10,425,000
B. 42	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	239,226,100
B. 43	Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi	259,996,800
B. 44	Kementerian Penerangan	636,663,000
B. 45	Kementerian Sumber Manusia	137,746,500
B. 46	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	239,409,000
B. 47	Kementerian Pengangkutan	339,734,500
B. 48	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	350,858,100
B. 49	Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia	33,261,200
B. 50	Kementerian Pembangunan Usahawan	936,562,500
B. 51	Kementerian Luar Negeri	275,896,500
JUMLAH ..		36,858,851,900

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini membuat peruntukan bagi pengeluaran sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak lapan belas bilion empat ratus dua puluh sembilan juta empat ratus empat puluh lapan ribu sembilan ratus ringgit (RM18,429,448,900) untuk perkhidmatan bagi tahun 2000 dan bagi peruntukan jumlah wang itu dan jumlah wang yang dibenarkan dikeluarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1999 bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual kepada Rang Undang-Undang ini.